

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA



TAHNAH...Choong (memegang trofi) meraikan kemenangannya bersama rakan sekelas dan Pengarah Kursus Profesional Kolej Sunway, Bella Devadass (kiri).

Kertas kerja pelajar Sunway terbaik

KEBANGGAAN seorang pelajar Institut Pemasaran Bertauliah Kolej Sunway, Jade Choong, 20, jelas terserlah selepas kertas kerjanya yang dibentangkan di satu persidangan di Abu Dhabi, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) berjaya meraih tempat pertama, baru-baru ini.

Persidangan dikenali sebagai 'Pendidikan Tanpa Sempadan 2003' itu mengenengahkan 250 kertas kerja daripada pelajar di 70 negara.

Persidangan diadakan untuk memberi peluang kepada pela-

jar, pensyarah dan golongan profesional dari seluruh dunia mengadakan perbincangan mengenai isu, peluang dan teknologi baru berkaitan dengan pendidikan masa kini.

Pengalaman berhadapan dengan 500 penonton yang datang daripada pelbagai pelosok dunia itu cukup berharga buat Choong yang diberikan masa 15 minit untuk membentangkan kertas kerjanya diikuti sesi soal jawab.

Atas usahanya itu, Choong memperolehi biasiswa dikenali sebagai 'Perkampungan Sejagat' bernilai AS\$6,000 (RM22,800),

sebuah komputer buku Sony, trofi dan peluang melawat istana kediaman Menteri Pendidikan Tinggi dan Penyelidikan Sainifik Emiriyah Arab Bersatu, Sheikh Nahayan Mabarak al Nahayan.

"Peluang menyertai persidangan itu membuatkan saya sedar bahawa adanya pelbagai isu dunia penting yang harus ditangani," katanya yang berharap, negara ini turut diberi peluang untuk menganjurkan persidangan sedemikian suatu hari nanti bagi memberi peluang kepada lebih ramai pelajar untuk menyertainya.

This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.